

06 JUN 2000

Umno-Khalil

KHALIL SEDIA DENGAR PANDANGAN ANGGOTA MT YANG INGIN PERUBAHAN

REMBAU, 6 Jun (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob yang dilantik semula semalam berkata, beliau bersedia mendengar pandangan terutama daripada anggota baru Majlis Tertinggi (MT) yang ingin membawa pendekatan baru.

Katanya, pandangan sedemikian ada disampaikan pada mesyuarat MT semalam, yang pertama selepas Perhimpunan Agung Umno bulan lepas yang turut memilih barisan baru MT untuk tempoh tiga tahun lagi.

Khalil berkata pandangan sedemikian amat berguna dan urusetia parti akan mengambil kira cadangan bernas yang mampu meningkatkan imej parti dan membuat anggota lebih berdedikasi.

Mengenai pelantikan semula beliau, Khalil berkata beliau berterima kasih kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memberi kepercayaan kepada beliau untuk terus kekal sebagai setiausaha agung parti.

"Saya, Tun Daim (Zainuddin) dan Datuk Mustapa (Mohamed) akan jalankan tugas-tugas parti sebagaimana yang diharapkan," katanya.

Semalam, Dr Mahathir mengumumkan Khalil dan Daim masing-masing dikekalkan sebagai setiausaha agung dan bendahari manakala Mustapa pula dilantik sebagai Ketua Penerangan Umno menggantikan Datuk Dr Yusof Nor.

Mengenai pelantikan Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri, Khalil berkata Dr Mahathir akan mengambil kira pandangan semua pihak sebelum membuat keputusan.

"Seperti yang Perdana Menteri kata semalam, beliau akan mendengar pandangan mereka yang terpilih termasuk juga Menteri-Menteri Besar yang ada mengemukakan pandangan mereka," katanya.

Berasaskan pandangan itu, kata beliau, Dr Mahathir akan menimbangkan siapakah yang layak dilantik mengisi jawatan itu serta juga pelantikan 10 anggota baru MT.

-- BERNAMA

AR NMO